



**IMPLEMENTASI PENGAJARAN TERBEZA TILAWAH AL-QURAN
DAN KETERLIBATAN MURID DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH KERAMAT, KUALA LUMPUR**

**[IMPLEMENTATION OF DIFFERENTIATED TEACHING OF AL-QUR'AN
RECITATION AND PUPILS ENGAGEMENT IN KERAMAT
DISTRICT PRIMARY SCHOOL, KUALA LUMPUR]**

MOHD MUZZAMMIL SHARIF & HARUN BAHARUDIN¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

Email: p118813@siswa.ukm.edu.my; harun@ukm.edu.my

*Corresponding Author: p118813@siswa.ukm.edu.my

Received: 28 September 2023 | Accepted: 19 October 2022 | Published: 11 December 2023

Abstrak

Pengajaran Terbeza ialah pendekatan yang meraikan kepelbagaian murid di dalam satu kelas dengan mengubahsuai penyampaian pengajaran mengikut perbezaan keupayaan dan kebolehan murid di dalam satu kelas. Pendekatan Pengajaran Terbeza yang berkesan juga bergantung kepada beberapa aspek antaranya pengetahuan dan amalan guru. Pengajaran Terbeza merupakan pendekatan yang baru diperkenalkan di dalam pendidikan di Malaysia. Guru menghadapi kesukaran untuk menjalankan proses pengajaran kepada murid yang mempunyai kepelbagaian di dalam satu kelas. Guru menggunakan kaedah pengajaran lama seperti *chalk* dan *talk* iaitu berpusat guru tanpa meraikan kepelbagaian murid di dalam kelas. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam (GPI) dan keterlibatan murid tahap satu sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur dalam pembelajaran Pendidikan Islam bidang Tilawah Al-Quran. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif yang melibatkan min, sisihan piawai dan interpretasi min. Kajian ini juga menggunakan analisis infrensi untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah. Kajian dilakukan di sekolah-sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur dengan menggunakan instrumen soal selidik. Jumlah sampel adalah seramai 186 orang guru-guru Pendidikan Islam di

sekolah-sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur daripada jumlah populasi guru Pendidikan Islam (GPI) adalah seramai 368 orang. Melalui kajian ini, pengkaji mengharapkan dapat mengenal pasti keberkesanan pendekatan Pengajaran Terbeza terhadap keterlibatan murid dalam pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran seiring dengan kajian-kajian yang lepas.

Kata kunci: Pendekatan Pengajaran Terbeza, keterlibatan murid.

Abstract

Differentiated Teaching is an approach that celebrates the diversity of pupils in one class by modifying the teaching delivery according to the difference in the ability and abilities of pupils in one class. An effective Different Teaching approach also depends on several aspects including the teacher's knowledge and practice. Differentiated Teaching is a newly introduced approach in education in Malaysia. Teachers have difficulty conducting the teaching process to pupils who have diversity in one class. Teachers use old teaching methods such as chalk and talk which is teacher-centered without celebrating the diversity of pupils in the classroom. The purpose of this study is to see the Differentiated Teaching Approach of Islamic Education teachers and the engagement of students of level one of the primary schools of Keramat District, Kuala Lumpur in learning Islamic Education in the field of Al-Quran Recitation. The design of this study is quantitative using descriptive research methods involving mean, standard deviation dan mean interpretation. The study also used infrequency analysis to identify relationships between variables. Studies were conducted in primary schools in the Keramat District, Kuala Lumpur using questionnaire instruments. The total sample was 186 Islamic Education teachers in primary schools in Keramat District, Kuala Lumpur out of a total population of 368 Islamic Education teachers. Through this study, the researchers hope to identify the effectiveness of the Different Teaching approach towards students' engagement in learning especially in learning the field of Quranic Tilawah in line with past studies.

Keywords: Differentiated Teaching approach, pupils engagement

Cite as: Mohd Muzzammil Sharif & Harun Baharudin. (2023). Implementasi Pengajaran Terbeza Tilawah al-Quran dan Keterlibatan Murid di Sekolah Rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur [Implementation of Differentiated Teaching of al-Qur'an Recitation and Pupils Engagement in Keramat District Primary School, Kuala Lumpur]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 84-102.

PENGENALAN

Pengajaran Terbeza adalah untuk membezakan atau mengubah suai pengajaran supaya dapat memenuhi keperluan murid, samada guru membezakan kandungan pelajaran, proses pengajaran,

penilaian produk murid dan persekitaran murid. Kepelbagaian murid di dalam satu kelas mendorong murid memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Kepelbagaian tersebut merangkumi aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran. Guru adalah faktor utama menentukan kemenjadian murid yang pelbagai. Guru perlu meraikan kepelbagaian murid yang berbeza di dalam satu kelas supaya murid akan melibatkan secara aktif dalam pembelajaran serta mampu mencapai matlamat pengajaran. Keterlibatan murid dalam pembelajaran Tilawah Al-Quran dapat dipertingkatkan dengan keupayaan pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI) dengan mengamalkan Pengajaran Terbeza sebaiknya. Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan sebaiknya.

Di Malaysia, Pedagogi Terbeza jelas dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) gelombang kedua 2016 - 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018b). Ini jelas menunjukkan Malaysia telah mula menitik beratkan pendidikan yang mempunyai kepelbagaian murid. Pelaksanaan pendidikan yang menekankan kepelbagaian murid dikukuhkan lagi apabila bekas ketua pengarah pendidikan telah mengumumkan bermula tahun 2019 tiada lagi *streaming class* iaitu murid diasingkan mengikut kelas, malah murid yang terdiri daripada pelbagai tahap prestasi pembelajaran akan bercampur di dalam satu kelas (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018a).

PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran Terbeza menjadi amalan global dimana sekolah-sekolah di beberapa negara tiada lagi *streaming class* dan murid yang mempunyai kepelbagaian bercampur di dalam satu kelas. Namun masih ramai guru khususnya guru Pendidikan Islam tidak mengetahui tentang pelaksanaan Pengajaran Terbeza. Menurut Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) guru masih tidak mengetahui tentang Pengajaran Terbeza yang sesuai dilaksanakan di dalam kelas kepada kepelbagaian murid. Menurut Zelalem, A. , Melesse, S. dan Seifu, A (2022), hal ini juga disebabkan terdapat guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran untuk mereka melaksanakan pembelajaran terbeza. Selain itu, Pengajaran Terbeza masih kurang dilaksanakan oleh para guru semua mata pelajaran terutamanya mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya bidang Tilawah Al-Quran. Masalah ini melibatkan dikalangan guru Pendidikan Islam sepertimana kajian Zurina et al. (2021) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam Zon Selatan mempunyai tahap pengetahuan dan amalan yang sederhana. Kenyataan ini senada dengan Zurina et al. (2021) yang menyatakan bahawa Pedagogi Terbeza belum tersebar luas dan masih belum dilaksanakan dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam Bidang Tilawah Al-Quran secara sepenuhnya.

Keterlibatan murid dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran menjadi isu penting kerana ianya memberi kesan kepada tahap penguasaan bacaan Al-Quran kepada murid sekolah rendah daripada tahun satu hingga tahun enam. Walaupun enam tahun belajar di sekolah rendah, namun masih terdapat murid tahun enam tidak dapat membaca Al-Quran dan masih membaca Buku Iqra'. Menurut S. Sabilan (2018) masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan bacaan Al-Quran. Selain itu, murid-murid tersebut bukan sahaja tidak dapat membaca Al-Quran dengan baik dan memahami Hukum Tajwid, malah mereka juga gagal menyebut makhraj huruf dengan

memuaskan. Menurut D. Ismail et al. (2014), menyatakan bahawa masih ramai murid sekolah rendah tidak dapat mencapai bacaan Al-Quran seperti yang dikehendaki. Isu kelemahan murid dalam penguasaan bacaan Al-Quran salah satunya berpunca daripada kelemahan guru yang mampu melibatkan murid dalam ketika pengajaran berlangsung. Kelemahan guru melibatkan murid dalam pembelajaran akan menyebabkan guru gagal menangani murid yang pelbagai tingkah laku dan karakter di dalam kelas serta menyukarkan pelaksanaan Pengajaran Terbeza. Isu dan masalah ini selari dengan kajian Nurhijrah Zakaria et al. (2020) yang menunjukkan guru tidak dapat menangani murid yang pelbagai tingkah laku di dalam kelas dan proses pengajaran sukar untuk dijalankan.

Kelemahan guru Pendidikan Islam menguasai tahap pengetahuan dan tahap amalan Pengajaran Terbeza akan memberi kesan kepada murid iaitu kegagalan murid melibatkan diri dalam pembelajaran khususnya bidang Tilawah Al-Quran. Kegagalan murid melibatkan diri dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran telah mengakibatkan masih ramai murid tahun enam tidak dapat membaca Al-Quran walaupun enam tahun belajar di sekolah rendah. Aspek kekurangan pengetahuan dan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam menjadi faktor kepada kelemahan melibatkan murid dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran. Sebahagian guru Pendidikan Islam tidak mengetahui cara untuk melibatkan murid dalam pembelajaran untuk mencapai objektif pengajaran disebabkan kurangnya pengetahuan dan amalan pengajaran kepada murid yang mempunyai kepelbagaian di dalam satu kelas. Hal ini turut senada dengan Nuraishahtun et al. (2019), bahawa guru tidak dapat memenuhi objektif pembelajaran kerana kurangnya pengetahuan tentang Pengajaran Terbeza.

Selain itu, menurut Ain Nur Atika Agus (2021), guru tidak mengamalkan Pengajaran Terbeza dan masih mengamalkan kaedah lama iaitu pengajaran secara traditional atau kaedah berpusat guru. Selain itu, terdapat segelintir guru tidak mengambil berat keperluan dan keupayaan murid apabila mengajar mengikut silibus semata-mata akan menyebabkan kegagalan keterlibatan murid dalam pembelajaran. Pernyataan ini selari dengan Zurina et al. (2022) yang menyatakan guru yang tidak mengambil berat keupayaan murid dan mengajar mengikut silibus semata-mata akan menyebabkan masalah murid kurang memahami mata pelajaran yang diajar. Kaedah lama ini tidak sesuai dipraktikkan kerana murid mempunyai perbezaan tahap kesediaan, minat dan profil pembelajaran. Sekiranya tahap kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid yang berbeza tidak diraikan, maka keterlibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran tidak dicapai. Kegagalan murid yang pelbagai melibatkan diri dalam pembelajaran yang disampaikan guru akan memberi kesan kepada guru dalam mengawal kelas serta prestasi murid.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu iaitu murid tahun satu, tahun dua dan tahun tiga sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, objektif pertama kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. Objektif kajian ini juga bagi mengenal pasti tahap keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran Tilawah Al-Quran. Seterusnya, objektif kajian ini juga untuk mengenal pasti hubungan antara pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu dalam bidang Tilawah Al-Quran sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif yang mengkaji tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza yang merangkumi elemen pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam terhadap keterlibatan murid dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran. Penyelidikan deskriptif ialah kaedah penyelidikan yang digunakan yang melibatkan min, sisihan piawai dan interpretasi min. Menurut Mohd Majid Konting (2004) menyatakan penyelidikan deskriptif begitu penting untuk menjelaskan situasi dan fenomena yang sedang berlaku. Selain itu, dalam kajian ini turut akan menggunakan kaedah penyelidikan analisis inferensi iaitu korelasi *Pearson* bagi mendapatkan hubungan antara pemboleh ubah.

Sampel Kajian

Kajian dijalankan di sekolah-sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. Jumlah sekolah rendah Daerah Keramat adalah 38 buah sekolah yang terdiri 368 orang guru Pendidikan Islam. Jumlah sampel adalah seramai 186 orang responden dianalisis dengan menggunakan Jadual Pensampelan Krejcie & Morgan. Jumlah 186 orang responden tersebut melibatkan guru-guru Pendidikan Islam yang melibatkan setiap sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. Guru-guru Pendidikan Islam tersebut dipilih secara rawak. Pengkaji memilih teknik pensampelan kelompok bagi melancarkan proses kajian seperti saiz sampel, kos, masa dan tenaga. Menurut Mohd Majid Konting (2004) menyatakan teknik pensampelan kelompok adalah untuk memudahkan dalam menentukan sampel, perbelanjaan, masa dan tenaga ketika menjalankan kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian amat penting dalam sesuatu kajian untuk menghasilkan dapatan kajian yang betul dan tepat. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Danial Arif (2020) diubahsuai dan digunakan sebagai instrumen kajian

berkaitan pengetahuan pengajaran guru terhadap Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah rendah. Terdapat juga kajian lepas yang dirujuk dan soal selidik diubah suai daripada kajian Danial Arif dan Zamri (2020) berkaitan tinjauan tentang amalan pengajaran guru terhadap pengajaran terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Selain itu, terdapat satu lagi instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dibina dengan merujuk kepada *Modified Students Participation Questionnaire* (mSPQ) (Bardin 2006; Bardin & Lewis 2008). Instrumen ini melihat perspektif guru berhubung keterlibatan akademik murid dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bidang Tilawah Al-Quran di sekolah. Setiap item untuk diukur berdasarkan skala Likert yang diberi mata dari 1 hingga 5 iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju (S) dan sangat setuju (ST). Soal selidik diedarkan secara atas talian (*google form*) kepada guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam bidang Tilawah Al-Quran.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Jadual 1 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan kepada nilai *Cronbach Alpha* adalah sangat tinggi. Nilai pekali *Cronbach Alpha* yang kurang daripada 0.60 adalah lemah, 0.60 hingga 0.70 adalah sederhana, 0.7 hingga 0.8 adalah bagus, 0.8 hingga 0.9 adalah sangat bagus dan 0.9 ke atas adalah cemerlang (Hair et al. 2011).

Jadual 1 : Nilai pekali *Cronbach Alpha* kajian rintis

Konstruk	Nilai Pekali
Pengetahuan Pengajaran Terbeza GPI	0.920
Amalan Pengajaran Terbeza GPI	0.930
Keterlibatan Akademik	0.876
Keseluruhan	0.910

S

umber : *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 20.0

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi Pearson melalui perisian IBM SPSS. Interpretasi skor min dalam kajian ini telah diadaptasi daripada Jamil (2002) seperti Jadual 2. Manakala interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan adaptasi daripada Davies (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber : Jamil (2002)

Jadual 3 : Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
1.00	Kukuh
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 - 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Boleh diabaikan

Sumber : Davies (1971)

Demografi Responden

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian responden GPI perempuan adalah tinggi iaitu seramai 145 orang (78.0%) manakala responden GPI lelaki pula 41 orang (22.0%). Hasil dapatan berkaitan jenis sekolah GPI berkhidmat, seramai 176 orang GPI (94.6%) berkhidmat di sekolah kebangsaan (SK) diikuti seramai 9 orang GPI (4.8%) pula berkhidmat di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan seorang GPI (0.5%) pula berkhidmat di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Sejumlah besar responden GPI adalah yang mempunyai pengalaman mengajar dari 11 hingga 15 tahun iaitu seramai 50 orang (26.9%) diikuti dengan 44 orang GPI (23.7%) mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun, 42 orang GPI (22.6%) yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun, 31 orang GPI (16.7%) yang mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun dan seramai 19 orang GPI (10.2%) yang mempunyai pengalaman mengajar 20 tahun ke atas. Berdasarkan dapatan kelulusan akademik GPI pula, seramai 176 orang GPI mempunyai kelulusan akademik peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu syarat minimum kini untuk menjadi seorang guru yang mencatatkan peratus tertinggi (94.6%) diikuti peringkat Sarjana dan ke atas iaitu seramai 6 orang GPI (3.2%), peringkat Diploma iaitu seramai 3 orang GPI (1.6%) dan hanya seorang GPI (0.5%) diperingkat SPM/STPM.

Jadual 4 : Analisis demografi GPI sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	41	22.0%
	Perempuan	145	78.0%
Sekolah Mengikut Jenis	Sekolah	176	94.6%
	Kebangsaan (SK)		
	Sekolah Jenis	9	4.8%
	Kebangsaan Cina (SJKC)		
	Sekolah Jenis	1	0.5%
	Kebangsaan Tamil (SJKT)		
Pengalaman Mengajar	1 hingga 5 tahun	44	23.7%
	6 hingga 10 tahun	42	22.6%
	11 hingga 15 tahun	50	26.9%
	16 hingga 20 tahun	31	16.7%
	20 tahun ke atas	19	10.2%
Kelulusan Akademik	SPM / STPM	1	0.5%
	Diploma	3	1.6%
	Ijazah Sarjana Muda	176	94.6%
	Sarjana dan ke atas	6	3.2%

Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Jadual 5 menunjukkan min keseluruhan bagi tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza yang merangkumi konstruk tahap pengetahuan dan konstruk tahap amalan Pengajaran Terbeza. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi tahap pendekatan Pengajaran Terbeza GPI ialah ($M=4.132$, $SP=0.442$) iaitu berada pada tahap tinggi.

Jadual 5 : Tahap Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tahap Pengetahuan Pengajaran Terbeza	4.13	0.449	Tinggi
Tahap Amalan Pengajaran Terbeza	3.93	0.508	Tinggi
Keseluruhan Nilai Min	4.03	0.442	Tinggi

Tahap Pengetahuan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam

Jadual 6 menunjukkan item-item bagi konstruk tahap pengetahuan diperincikan dengan taburan min, sisihan piawai dan interpretasi min. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi tahap pengetahuan Pengajaran Terbeza GPI ialah ($M=4.13$, $SP=0.449$) iaitu berada pada tahap tinggi. Item B3 “Saya tahu setiap pelajar mempunyai kecerdasan tersendiri.” mempunyai skor min yang paling tinggi dalam konstruk pengetahuan iaitu ($Min=4.41$, $SP=0.670$). Manakala item B8 “Saya mengetahui aspek-aspek yang terkandung dalam pendekatan terbeza (aspek kandungan, proses produk dan persekitaran)” yang paling rendah antara kesemua item dalam konstruk pengetahuan ($Min=3.91$, $SP=0.557$). Item-item lain pula berada pada skala ($M= 3.98$ hingga $M=4.33$).

Jadual 6 : Tahap Pengetahuan Pengajaran Terbeza

No. Item	Item Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B1	Saya tahu berkaitan dengan gaya pengajaran pendekatan terbeza	4.15	0.565	Tinggi
B2	Saya tahu setiap pelajar mempunyai ciri pembelajaran yang berbeza.	4.33	0.611	Tinggi
B3	Saya tahu setiap pelajar mempunyai kecerdasan tersendiri.	4.41	0.670	Tinggi
B4	Saya tahu mengenai pengajaran terbeza sebelum ini	4.11	0.533	Tinggi
B5	Saya tahu pengajaran terbeza merupakan salah satu kaedah baharu dalam pendidikan.	4.12	0.655	Tinggi
B6	Saya tahu tujuan pelaksanaan pendekatan terbeza dalam PdP	4.12	0.547	Tinggi
B7	Saya mengetahui konsep pendekatan terbeza dengan baik.	3.98	0.645	Tinggi
B8	Saya mengetahui aspek-aspek yang terkandung dalam pendekatan terbeza (aspek kandungan, proses produk dan persekitaran).	3.91	0.557	Tinggi
B9	Saya mengetahui aras pengetahuan murid saya melalui pelaksanaan pendekatan terbeza dalam pembelajaran	4.06	0.571	Tinggi
B10	Saya mengetahui kepentingan melaksanakan pendekatan terbeza dalam pembelajaran.	4.14	0.511	Tinggi
	Keseluruhan Nilai Min	4.13	0.449	Tinggi

Tahap Amalan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan jadual 7 menunjukkan dapatan kajian tahap amalan Pengajaran Terbeza GPI dalam pengajaran Tilawah Al-Quran sekolah rendah adalah tinggi iaitu min keseluruhan ($M=3.93$, $S=0.508$). Item B13 “Saya menentukan proses pembelajaran mengikut tahap kepelbagaian murid belajar” adalah skor min yang tertinggi dalam konstruk pelaksanaan iaitu ($M=4.11$, $SP=0.540$). Manakala, item B15 “Saya mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan pengajaran terbeza kepada murid” adalah nilai min yang terendah dalam konstruk amalan iaitu ($M=3.62$, $SP=0.863$). Ini menunjukkan GPI menghadapi masalah kesuntukan masa dalam amalan Pengajaran Terbeza. Item-item lain pula berada pada skala ($M=3.70$ hingga $M=4.08$).

Jadual 7 : Tahap Amalan Pengajaran Terbeza

No. Item	Item Amalan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B11	Saya merancang pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepelbagaian murid di dalam kelas.	4.08	0.610	Tinggi
B12	Saya menentukan isi kandungan murid berdasarkan kepada kebolehan murid.	4.05	0.507	Tinggi
B13	Saya menentukan proses pembelajaran mengikut tahap kepelbagaian murid belajar.	4.11	0.540	Tinggi
B14	Saya menilai hasil pembelajaran murid berdasarkan perbezaan tahap pencapaian mereka.	4.06	0.467	Tinggi
B15	Saya mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan pengajaran terbeza kepada murid.	3.62	0.863	Sederhana
B16	Saya mempunyai sumber-sumber pengajaran yang mencukupi untuk tujuan pengajaran terbeza kepada murid.	3.70	0.754	Tinggi
B17	Saya membuat refleksi dan penilaian pengajaran untuk menambahbaik pelaksanaan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran.	3.97	0.649	Tinggi
B18	Saya mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid.	3.97	0.628	Tinggi

B19	Saya menetapkan kandungan, proses dan persekitaran berdasarkan pola pengajaran terbeza.	3.90	0.694	Tinggi
B20	Saya dapat mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan terbeza.	3.85	0.678	Tinggi
Keseluruhan Nilai Min		3.93	0.508	Tinggi

Tahap Keterlibatan Murid Tahap Satu Dalam Pembelajaran Tilawah Al-Quran

Jadual 8 menunjukkan dapatan kajian tahap keterlibatan akademik murid dalam pembelajaran Tilawah Al-Quran sekolah rendah adalah sederhana iaitu min keseluruhan ($M=3.54$, $S=0.351$). Item C1 “Murid memberikan kerjasama yang baik dengan rakan sebaya” adalah skor min yang tertinggi dalam konstruk keterlibatan akademik iaitu ($M=4.05$, $SP=0.618$). Kebanyakan guru kelihatan tidak bersetuju dengan item C27 “Murid mempunyai motivasi tinggi apabila menghadapi cabaran menyiapkan kerja sekolah.” dengan mencatat nilai min yang terendah dalam konstruk keterlibatan akademik iaitu ($M=2.68$, $SP=0.982$). Majoriti guru juga bersetuju dengan item C5 “Murid berusaha melakukan sesuatu tugas dengan baik” dengan nilai min ($M=4.04$, $SP=0.627$) dan item C3 “Murid memilih untuk menyiapkan tugas yang mudah berbanding tugas sukar” dengan nilai min ($M=4.02$, $SP=0.716$). Kebanyakan guru kelihatan kurang bersetuju dengan item C25 “Murid tenang di dalam kelas dan dapat memberi perhatian” dengan mencatat nilai min ($M=2.75$, $SP=0.995$). Item-item lain pula berada pada skala ($M=2.80$ hingga $M=4.01$).

Jadual 8: Tahap keterlibatan akademik murid mengikut perspektif guru

No. Item	Item Keterlibatan Akademik	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1	Murid memberikan kerjasama yang baik dengan rakan sebaya.	4.05	0.618	Tinggi
C2	Murid memberi tumpuan dalam kelas.	3.90	0.729	Tinggi
C3	Murid memilih untuk menyiapkan tugas yang mudah berbanding tugas sukar.	4.02	0.716	Tinggi
C4	Murid menganggap bahawa sekolah adalah penting.	4.00	0.682	Tinggi
C5	Murid berusaha melakukan sesuatu tugas dengan baik.	4.04	0.627	Tinggi
C6	Murid melibatkan diri dengan tidak menyisihkan diri daripada orang lain.	3.50	1.004	Sederhana
C7	Murid menyiapkan tugas yang diberikan dalam kelas.	3.97	0.564	Tinggi

C8	Murid menghadiri aktiviti di luar sekolah atau di sekolah lain seperti pertandingan dan bengkel pembangunan akademik	3.74	0.748	Tinggi
C9	Murid mengangkat tangan untuk menjawab soalan	4.01	0.509	Tinggi
C10	Murid menyertai perbincangan dalam kelas secara aktif.	3.92	0.632	Tinggi
C11	Murid menggunakan peralatan khas secara berdikari.	3.63	0.768	Sederhana
C12	Murid menyiapkan kerja rumah pada masa yang ditetapkan.	3.67	0.803	Tinggi
C13	Murid cuba untuk menyiapkan kerja dengan teliti, bukannya hanya sambil lewa.	3.68	0.780	Tinggi
C14	Murid tabah menghadapi masalah atau cabaran.	3.63	0.733	Sederhana
C15	Murid datang awal ke kelas.	3.04	0.808	Sederhana
C16	Murid meminta bantuan guru/rakan dengan cara sewajarnya.	3.99	0.520	Tinggi
C17	Murid disenangi dengan tidak mengganggu rakan-rakan lain.	2.89	0.838	Sederhana
C18	Murid memulakan interaksi sosial dengan rakan sebaya.	3.95	0.586	Tinggi
C19	Murid bertanya soalan untuk memperoleh lebih maklumat.	3.97	0.549	Tinggi
C20	Murid tahu apa yang sedang berlaku dalam kelas.	2.80	0.845	Sederhana
C21	Murid berusaha menyiapkan tugas walaupun tugas tersebut sukar	3.75	0.747	Tinggi
C22	Murid mempunyai inisiatif untuk berdikari untuk melakukan tugas.	2.81	0.902	Sederhana
C23	Murid mengagumi rakan-rakan yang cemerlang di sekolah.	3.85	0.746	Tinggi
C24	Murid bercakap mengikut keperluan ketika dalam bilik darjah.	3.01	0.950	Sederhana
C25	Murid tenang di dalam kelas dan dapat memberi perhatian.	2.75	0.995	Sederhana
C26	Murid menyatakan keperluan dalam cara yang sesuai kepada guru/rakan sebaya	3.76	0.711	Tinggi

C27	Murid mempunyai motivasi tinggi apabila menghadapi cabaran menyiapkan kerja sekolah.	2.68	0.982	Sederhana
C28	Murid merujuk guru dalam perbincangan sebelum atau selepas waktu sekolah.	3.59	0.922	Sederhana
C29	Murid mengetahui kepentingan kandungan mata pelajaran.	3.65	0.827	Sederhana
C30	Murid cakna atau memiliki bahan pembelajaran.	3.11	0.935	Sederhana
C31	Murid perlu sentiasa diberi teguran.	3.74	0.876	Tinggi
C32	Murid memperoleh bahan-bahan pembelajaran secara berdikari.	3.19	0.989	Sederhana
C33	Murid mengatur ruang kerja sendiri.	3.35	0.959	Sederhana
C34	Murid melakukan tugas lebih daripada yang diberikan.	3.14	0.965	Sederhana
C35	Murid merujuk kamus, ensiklopedia atau sumber lain untuk memperoleh maklumat	3.22	1.013	Sederhana
Keseluruhan Nilai Min		3.54	0.351	Sederhana

Hubungan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam Dengan Keterlibatan Murid Tahap Satu Dalam Pembelajaran Bidang Tilawah Al-Quran Sekolah Rendah

Dalam bahagian ini adalah untuk menentukan hubungan yang signifikan antara tahap pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur dengan menggunakan kaedah koefisien korelasi.

H₀: Tiada hubungan signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur.

H_a: Terdapat hubungan signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur

Jadual 9 menunjukkan analisis inferensi Kolerasi Pearson dalam mengetahui hubungan tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dan keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. Dapatan kajian

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid dalam pembelajaran ($p=.001$), maka hipotesis nol ditolak. Oleh itu, hubungan antara tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid dalam pembelajaran adalah signifikan, tetapi rendah ($r=.239$, $p=.001$).

Jadual 9: Hubungan pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid dalam pembelajaran

Item		Kekerapan (N)	Korelasi Pearson (r)	Sig. (2-tailed) (p)	Interpretasi Korelasi
Pengajaran Terbeza	Keterlibatan Murid	186	0.245**	0.001	Rendah

PERBINCANGAN

Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji mendapati tahap pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza GPI dalam bidang Tilawah Al-Quran sekolah rendah adalah tinggi dengan min keseluruhan ($M=4.03$, $SP=0.442$). Ini menunjukkan majoriti GPI mempunyai tahap pengetahuan dan amalan Pengajaran Terbeza yang tinggi.

Pengetahuan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam

Konstruk pengetahuan Pengajaran Terbeza GPI mencatat nilai min yang tinggi iaitu ($M=4.13$, $SP=0.449$). Pengetahuan guru merupakan aspek penting bagi memastikan objektif pengajaran yang berkesan melibatkan isi kandungan, gaya pembelajaran, pengetahuan guru terhadap tahap pemikiran, tahap penguasaan murid (Danial Arif & Zamri, 2020). Dapatan kajian ini menunjukkan guru Pendidikan Islam sekolah rendah Daerah Keramat mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap Pengajaran Terbeza. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Rathaneswaary Derbala dan Ruhizan M. Yasin (2022) yang mana guru mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan kritis dengan skor min yang tinggi iaitu ($M=4.32$, $SP=0.406$). Dapatan kajian ini turut senada dengan kajian Pramono (2021) yang bertajuk ‘Pengaruh pengetahuan dan efikasi sendiri guru terhadap penerimaan guru sekolah rendah terhadap pengajaran Terbeza di Indonesia’, menunjukkan pengetahuan Pengajaran Terbeza adalah tinggi iaitu dengan nilai ($M= 70.21$, $SD=13.81$). Walaupun min keseluruhan tahap pengetahuan GPI tinggi, namun dapatan kajian ini menunjukkan GPI lemah dalam menguasai aspek-aspek penting Pengajaran Terbeza seperti kandungan, proses, hasil dan persekitaran. Menurut Ain Nur (2021), menyatakan beberapa kajian lepas menunjukkan tahap pengetahuan guru bahasa melayu rendah dalam menyediakan rancangan pengajaran harian

yang mengandungi aspek-aspek terbeza dalam pengajaran terbeza seperti kandungan, proses, hasil dan persekitaran sebelum memasuki kelas.

Amalan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam

Manakala konstruk amalan Pengajaran Terbeza turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu ($M=3.93$, $SP=0.508$). Amalan pengajaran guru yang baik, kreatif dan berkesan akan menghasilkan pembelajaran yang berkualiti. Dapatan kajian ini mencatatkan nilai min yang tinggi bagi tahap amalan Pengajaran Terbeza GPI dan ianya selari dengan kajian Rosidah Ramli dan Nurahimah Mohd Yusoff (2020) yang mana tahap amalan guru dalam Pengajaran Terbeza berada pada tahap yang baik. Dapatan kajian turut selari dengan dapatan kajian Muhamad Nanang et al (2017) yang dijalankan terhadap guru sekolah menengah di enam wilayah Provinsi Jakarta, Indonesia yang mencatat nilai min yang tinggi iaitu ($M=7.31$, $SP=1.11$). Namun dapatan kajian ini mendapati guru menghadapi kekangan masa dalam meraikan kepelbagaian murid yang pelbagai ketika melaksanakan Pengajaran Terbeza. Menurut Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh dan Nasser Al-Dosari (2020) cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza seperti saiz kelas, beban pengajaran dan masa. Tempoh dan masa pembelajaran yang berkesan mampu melibatkan murid sepenuhnya dalam pembelajaran serta menghasilkan kualiti kemenjadian seseorang murid.

Keterlibatan Murid Tahap Satu Dalam Pembelajaran Bidang Tilawah Al-Quran

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan GPI mempunyai perspektif bahawa keterlibatan akademik murid adalah pada tahap sederhana dengan nilai min ($M=3.54$, $SP=0.351$). Menurut data yang dikumpul menunjukkan GPI sekolah rendah Daerah Keramat berpendapat hal-hal berkaitan tingkah laku murid di dalam kelas seperti mengganggu rakan lain dan tidak fokus dalam pembelajaran seperti tidak tahu apa yang dipelajari menunjukkan kelemahan murid dalam melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran. Guru Pendidikan Islam juga memberi perspektif bahawa murid tidak dapat berdikari dalam menyelesaikan tugas, gelisah tanpa menumpu pembelajaran serta motivasi yang rendah dalam melengkapkan kerja sekolah. Dapatan kajian ini senada dengan kenyataan Skilling, K., Bobis, J., Martin, A. J., Anderson, J., dan Way, J. (2016) bahawa murid tidak mampu memberikan perhatian di dalam bilik darjah disebabkan berlakunya perubahan tahap keterlibatan murid dalam pembelajaran.

Hubungan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam dan Keterlibatan Murid Tahap Satu Dalam Pembelajaran Bidang Tilawah Al-Quran

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza guru Pendidikan Islam dan keterlibatan murid tahap satu dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Daerah Keramat. Hasil dapat kajian ini walaupun wujudnya hubungan yang positif, namun hubungan tersebut berada di tahap yang rendah iaitu lemah. Maka, andaian awal pengkaji iaitu pendekatan Pengajaran Terbeza mampu memberi impak

yang tinggi terhadap keterlibatan murid di dalam kelas tidak menepati ramalan kajian. Kepentingan konstruk pengetahuan dan konstruk amalan dikaji adalah kerana guru-guru merupakan asas kepada usaha menarik perhatian murid-murid untuk melibatkan pembelajaran di dalam kelas.

Hasil dapatan kajian ini turut disokong kajian yang dilakukan oleh Aniza Yusoff (2021) menyatakan guru yang melaksanakan Pengajaran Terbeza dengan menekankan kepelbagaian kaedah, proses, produk dan persekitaran dapat membantu meningkatkan kefahaman murid dan menarik minat murid untuk mereka melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran secara aktif. Dapatan kajian ini juga selari dengan Zamri et al. (2019) yang menyatakan bahawa pendekatan Pengajaran Terbeza mampu memberi peluang dan keperluan kepada murid untuk menguasai pembelajaran mengikut suasana dan kognitif murid. Ini menunjukkan kajian ini sekurang-kurangnya selari dengan kajian-kajian yang lepas.

Walaupun hubungan keduanya lemah, namun pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza sekurang-kurangnya mampu memberi impak positif terhadap keterlibatan murid dalam pembelajaran dimana tiada lagi *streaming class*. Maka, salah satu pendekatan pengajaran yang mampu meraikan kepelbagaian murid di dalam kelas adalah Pengajaran Terbeza. Menurut Ginja dan Chen (2020) menyatakan motivasi sendiri murid, tabiat belajar dengan memupuk sifat kerjasama dalam kumpulan dan hubungan yang harmoni antara guru dengan murid dapat dipupuk dan ditingkatkan melalui Pengajaran Terbeza.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini ingin mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pengajaran Terbeza di sekolah rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur dengan melibatkan 38 buah sekolah rendah. Dalam kajian ini, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran Terbeza adalah tinggi, manakala tahap amalan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran Terbeza juga adalah tinggi. Walaupun kesan daripada pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza terhadap keterlibatan murid dalam pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran berada pada tahap rendah, namun pendekatan Pengajaran Terbeza sekurang-kurangnya mampu mengatasi cabaran guru dalam menghadapi kepelbagaian murid di dalam kelas. Kajian ini hanya dilakukan kepada 38 buah sekolah rendah Daerah Keramat, namun kajian ini bukan satu dapatan kajian yang dapat mewakili semua sekolah di daerah atau negeri lain.

Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam yang melaksanakan Pengajaran Terbeza dengan mempunyai tahap pengetahuan dan tahap amalan yang tinggi akan mampu melibatkan semua murid yang mempunyai kepelbagaian di dalam kelas, seterusnya mewujudkan pembelajaran bidang Tilawah Al-Quran dengan lebih berkualiti dan adil. Walaubagaimanapun pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza bukan satu perkara yang mudah dan hanya dilaksanakan oleh seseorang sahaja. Namun pihak berautoriti seperti jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah perlu memainkan peranan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam meningkatkan keterlibatan murid dalam pembelajaran. Sebagai cadangan kajian lanjutan, kajian ini boleh dikembangkan lagi kepada mengenal pasti hubungan pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dan prestasi murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam bidang

Tilawah Al-Quran. Hasil kajian berkenaan prestasi murid dengan melibatkan murid sebagai responden kajian dapat menambah nilai dapatan kajian berkaitan kualiti pendekatan Pengajaran Terbeza.

RUJUKAN

- Ain Nur Atika Agus. 2021. Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM (Malay Language Education Journal (My LEJ))* 11(1): 75-87.
- Aniza Yusoff. 2021. Tahap kefahaman guru bahasa inggeris terhadap pedagogi terbeza. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities* Special Issue: 112-121.
- Bardin, J.A. 2006. Academic Engagement of Students with Visual Impairments in General Education Language Arts Classroom. Dissertation. Florida State University.
- Bardin, J.A. & Lewis, S. 2008. A survey of the academic engagement of students with visual impairments in general education classes. *Journal of Visual Impairment & Blindness* 102(8): 472-483.
- Chua, Y. P. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Davies, I.I.C. 1971. *The Management of Learning*. London: C Gain Hill.
- Danial Arif Abdul Muttalip. 2020. Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal (MyLEJ))*, 10(2), 29-42.
- D. Ismail, W. Khairuddin, M, Mohammad. 2014. Perkembangan dan Masalah Pembelajaran alQuran dalam Program j-QAF di Malaysia, *Jurnal Islamiyyat*, vol 36 (2), pp. 57-66
- Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. 2020. Pelaksanaan pendekatan terbeza pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42.
- Emory, C. W., & Cooper, D. R. 1991. *Business research methods* (Fourth ed.). Irwin: Boston.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. 2012. *Educational Research: Competencies For Analysis And Applications* (10th Ed.). Boston: Pearson
- Ginja, T. G., & Chen, X. 2020. Teacher educators' perspectives and experiences towards differentiated instruction. *International Journal of Instruction*, 13(4), 781–798.
- Hair, J.F., Money, A.H., Samouel, P. & Page, J.M. 2011. *Essentials of Business Research Methods*. ME Sharpe, New York.
- Halida Jawan & Zamri Mahamood. 2021. Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1):67-77.

- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian. Ph. D Dissertation. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018b. *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–96.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018a. Info media, menjana maklumat pendidikan (Issue 06).
- Muhamad Nanang Suprayogi, Martin Valke & Raymond Godwin. 2017. Teachers and their implementation of differentiated instruction in the classroom. *Jurnal of Teaching and Teacher Education*, 67, 291- 301.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Edisi keen). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md Akib & Norshiha Sailon. 2019. Pelaksanaan Modul Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN)* Ke-6, Pp. 1450-1465. 21-22 September. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud, Mohd Mahzan Awang, Mohd Izham Mohd Hamzah, Ruhizan Mohamad Yasin, & Ramlee Mustapha. 2020. Pedagogi responsif budaya dalam pengajaran Sejarah untuk persekitaran pembelajaran bilik darjah pelbagai budaya. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, March.
- Pramono. C. A. 2021. The influence of teachers' knowledge and self-efficacy on elementary school teachers' acceptability of differentiated instruction in Indonesia. Master Dissertation, University of Twente, Enschede. Retrieved 12 Januari 2021, from <http://purl.utwente.nl/essays/85601>.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. 2022. Tahap Pengetahuan, Penerimaan, Kesediaan dan Amalan Pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(4):1-20
- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff. 2020. Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan Pedagogi Terbeza guru-guru sekolah menengah zon pantai timur Malaysia. *International Conference Teacher Education*, 2, 9-20.
- Sabilan, M. Ishak, S. Mohamed Lip et al. 2018. Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran Dan Model Tasmik j-QAF, *International Conference on Islamic Education & Research (ICIER)*, pp. 1-19
- Siti Alawiyah Sahri. 2020. Kesediaan Guru Bahasa Arab terhadap Amalan Kreativiti Pengajaran Murid Minoriti bukan Melayu. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Skilling, K., Bobis, J., Martin, A. J., Anderson, J., & Way, J. 2016. What secondary teachers think and do about student engagement in mathematics. *Mathematics Education Research Journal* 28(4):545–566.
- Zamri Mahamood, Anita Abdul Rahman, Abdul Rasid Jamian & Shamsudin Othman. 2019. *Peta Pemikiran: Kreativiti Guru Merangsang Pemikiran Pelajar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Zelalem, A. , Melesse, S. & Seifu, A. 2022. Teacher educators' self-efficacy and perceived practices of differentiated instruction in Ethiopian primary teacher education programs: Teacher education colleges in Amhara regional state in focus. *Cogent Education* , 9:1-22.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsein Sulaiman. 2021. Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam zon selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 7(2): 1-11.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. 2021. Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(9), 202-214
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. 2022. Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berasaskan elemen kandungan pelajaran tilawah al-Quran sekolah rendah di Malaysia: pendekatan fuzzy delphi. *Sains Insani* 7(1): 61-70.